

kpk



PANDUAN PENANAMAN 30 TANAMAN TERPILIH




Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan
Makan Apa Yang Kita Tanam



kpkm



Kendiri

KEBUN DI RUMAH SENDIRI

30 Tanaman Terpilih

KANDUNGAN

Pendahuluan	iii
Sekapur Sireh Menteri Pertanian	iv
Seulas Pinang Ketua Setiausaha Pertanian	vi
Secubit Gambir Ketua Pengarah Pertanian	viii
Isi Kandungan	x
Senarai Tanaman	1-30
Rujukan	31
Sekalung Penghargaan	34

PENDAHULUAN

Buku Panduan 30 Jenis Tanaman Terpilih bagi Kempen “Kebun di Rumah Sendiri” (KENDIRI) terbitan Jabatan Pertanian disediakan sebagai panduan praktikal kepada masyarakat untuk memulakan aktiviti penanaman di persekitaran kediaman masing-masing.

Naskhah ini menghimpunkan panduan bagi 30 jenis tanaman terpilih, termasuk sayur-sayuran dan herba yang sesuai diusahakan di rumah. Setiap panduan merangkumi maklumat asas berkaitan penanaman dan penjagaan, bermula daripada penyediaan medium tanaman, penanaman, penyiraman dan pembajaan, pengurusan perosak dan penyakit, sehingga kepada kaedah penuaian.

Kaedah yang disediakan boleh disesuaikan mengikut keadaan dan keluasan ruang, sama ada di halaman rumah, balkoni, ruang lapang yang bersesuaian mahupun kediaman strata. Penyampaian yang ringkas dan mudah difahami diharap dapat membantu pembaca melaksanakan aktiviti berkebun secara mudah dan berperingkat.

Buku panduan ini boleh diakses secara digital melalui laman web rasmi Jabatan Pertanian, sekali gus memudahkan masyarakat mendapatkan rujukan ini pada bila-bila masa. Semoga naskhah ini dapat menjadi panduan yang bermanfaat serta mencetuskan minat masyarakat untuk menjadikan aktiviti berkebun sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan seharian.

SEKAPUR SIREH

Prakata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Sektor agromakanan negara hari ini berdepan pelbagai cabaran, termasuk ketidaktentuan geopolitik global, gangguan rantai bekalan dan peningkatan kos sara hidup. Dalam mendepani cabaran ini, usaha memperkukuh keterjaminan makanan memerlukan komitmen dan penglibatan bersama, bukan sahaja daripada Kerajaan, malah seluruh lapisan masyarakat.

Penerbitan Buku Panduan 30 Jenis Tanaman Terpilih bagi Kempen “Kebun di Rumah Sendiri” (KENDIRI) merupakan inisiatif yang tepat dalam membudayakan pengeluaran makanan di peringkat isi rumah. Aktiviti bercucuk tanam di ruang kediaman, sama ada di halaman rumah mahupun di ruang terhad kediaman strata, boleh menjadi satu amalan produktif yang membantu keluarga memanfaatkan ruang yang ada serta mengurangkan sebahagian perbelanjaan keperluan dapur. Usaha ini juga dapat memupuk masyarakat yang lebih peka dan berdaya tahan terhadap keterjaminan makanan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk memperkukuh ekosistem agromakanan negara melalui penglibatan masyarakat. Sehubungan dengan itu, buku ini diharap

dapat menjadi panduan mudah dan praktikal untuk menggalakkan lebih ramai rakyat memulakan aktiviti berkebun mengikut kesesuaian ruang dan persekitaran masing-masing.

Justeru, saya menyeru seluruh rakyat Malaysia agar memanfaatkan ruang yang ada dan menjadikan aktiviti berkebun sebagai sebahagian daripada gaya hidup. Marilah kita bersama-sama menghidupkan budaya "tanam apa yang kita makan, dan makan apa yang kita tanam" demi membina keluarga dan komuniti yang lebih mandiri, lestari dan berdaya tahan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Pertanian serta semua pihak yang telah menyumbang kepakaran dan usaha dalam menghasilkan buku panduan ini. Semoga penerbitan buku panduan ini memberikan manfaat kepada masyarakat dan menjadi wadah dalam memperkukuh keterjaminan makanan negara.

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

SEULAS PINANG

Prakata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi rasa syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, penerbitan Buku Panduan 30 Jenis Tanaman Terpilih sempena Kempen “Kebun di Rumah Sendiri” (KENDIRI) berjaya direalisasikan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited untuk memperkukuh ekosistem agromakanan negara melalui pendekatan yang melibatkan seluruh masyarakat. Dalam menghadapi perubahan landskap ekonomi, peningkatan kos sara hidup dan ketidaktentuan rantaian bekalan makanan global, pengeluaran makanan di peringkat isi rumah merupakan antara langkah kecil yang mampu memberikan impak besar kepada kesejahteraan keluarga dan komuniti.

Sehubungan dengan itu, amalan bercucuk tanam di rumah wajar dilihat bukan sekadar sebagai aktiviti mengisi masa lapang, tetapi sebagai satu bentuk pembudayaan pertanian yang dapat menyumbang kepada pengurusan perbelanjaan isi rumah, pemanfaatan ruang secara produktif serta penghasilan sumber makanan yang segar dan selamat.

Buku panduan ini mencerminkan usaha untuk masyarakat melalui pendekatan ilmu dan amalan pertanian yang mudah, praktikal dan inklusif. Panduan yang disediakan boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak, termasuk mereka yang baharu berjinak-jinak dengan aktiviti penanaman serta masyarakat yang mempunyai ruang kediaman yang terhad.

Saya berharap penerbitan ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh seluruh rakyat Malaysia dan menjadi pencetus kepada lebih banyak inisiatif berkebun di rumah. Semoga penerbitan ini memberikan manfaat kepada masyarakat demi memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Selamat membaca dan selamat berkebun.

DATUK SERI ISHAM BIN ISHAK

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Prakata Ketua Pengarah Pertanian

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Jabatan Pertanian berjaya menerbitkan Buku Panduan 30 Jenis Tanaman Terpilih bagi menyokong Kempen "Kebun di Rumah Sendiri" (KENDIRI) sebagai panduan praktikal kepada masyarakat untuk melaksanakan aktiviti penanaman di rumah.

Sebagai agensi peneraju teknikal pertanian, Jabatan Pertanian sentiasa berusaha untuk memastikan ilmu dan teknologi pertanian dapat disampaikan kepada masyarakat dalam bentuk yang mudah difahami serta sesuai diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Dalam konteks ini, aktiviti berkebun di rumah merupakan satu pendekatan yang dapat mendekatkan masyarakat dengan amalan pertanian, di samping menggalakkan penghasilan makanan untuk keperluan keluarga.

Buku ini menghimpunkan panduan bagi 30 jenis tanaman terpilih yang sesuai diusahakan di persekitaran kediaman. Setiap panduan disusun secara sistematik, meliputi aspek penyediaan medium tanaman, pemilihan bahan tanaman, kaedah penanaman, penyiraman, pembajaan, pengurusan perosak

dan penyakit serta kaedah penuaian. Maklumat ini dipermudahkan supaya boleh dijadikan rujukan oleh masyarakat, termasuk mereka yang baru berjinak-jinak dalam aktiviti berkebun. Dengan pemilihan tanaman dan kaedah yang bersesuaian, ruang di halaman rumah, balkoni atau kawasan kediaman yang terhad juga boleh dimanfaatkan secara produktif.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepakaran, idea dan usaha dalam menghasilkan buku panduan ini. Semoga KENDIRI dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya dan menjadi rujukan yang berguna kepada masyarakat.

Selamat membaca dan selamat berkebun.


DATO' NOR SAM BINTI ALWI
Ketua Pengarah Pertanian

ISI KANDUNGAN

Bil	Nama Biasa	Nama Saintifik	Muka Surat
1	Bayam	<i>Amaranthus</i> spp.	1
2	Kailan	<i>Brassica oleracea</i> var. <i>alboglabra</i>	2
3	Kangkung	<i>Ipomoea reptans</i>	3
4	Sawi	<i>Brassica rapa</i> L.	4
5	Sawi Pak Choi	<i>Brassica rapa</i> subsp. <i>chinensis</i>	5
6	Salad	<i>Lactuca sativa</i> L.	6
7	Daun Bawang	<i>Allium fistulosum</i> L.	7
8	Bayam Brazil	<i>Alternanthera sissoo</i>	8
9	Pegaga	<i>Centella asiatica</i>	9
10	Bendi	<i>Abelmoschus esculentus</i> (L.) Moench	10
11	Terung	<i>Solanum melongena</i> L.	11
12	Cili Api	<i>Capsicum frutescens</i> L.	12
13	Cili Merah	<i>Capsicum annuum</i> L.	13
14	Kacang Botor	<i>Psophocarpus</i> <i>tetragonolobus</i> (L.) DC.	14
15	Kacang Panjang	<i>Vigna unguiculata</i> subsp. <i>sesquipedalis</i> (L.) Verdc.	15

Bil	Nama Biasa	Nama Saintifik	Muka Surat
16	Labu Air	<i>Lagenaria siceraria</i> (Molina) Standi.	16
17	Petola Segi	<i>Luffa acutangula</i> (L.) Roxb.	17
18	Peria	<i>Momordica charantia</i> L.	18
19	Timun	<i>Cucumis sativus</i> L.	19
20	Tomato	<i>Solanum lycopersicum</i> Mill.	20
21	Daun Sup	<i>Apium graveolens</i> var. <i>secalinum</i>	21
22	Kesum	<i>Persicaria minor</i>	22
23	Kari	<i>Murraya koenigii</i>	23
24	Kantan	<i>Etlingera elatior</i>	24
25	Halia	<i>Zingiber officinale</i>	25
26	Limau Nipis	<i>Citrus aurantiifolia</i>	26
27	Limau Kasturi	<i>Citrus macrocarpa</i>	27
28	Kunyit	<i>Curcuma longa</i>	28
29	Pandan	<i>Pandanus amarylifolius</i> Roxb.	29
30	Serai Makan	<i>Cymbopogon citratus</i>	30





Kendiri

KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan
Makan Apa Yang Kita Tanam



Bayam

Amaranthus spp.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Gaulkan biji benih yang halus bersama pasir, kemudian tabur rata ke dalam bekas tanaman.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam dan **siram 2 kali sehari** (pagi dan petang).

Penuaian:

Boleh **dituai selepas 21-28 hari** selepas tanam atau mencapai **20-25sm** tinggi.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Kailan

Brassica oleracea
var. *alboglabra*



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Gaulkan biji benih yang halus bersama pasir, kemudian tabur rata ke dalam bekas tanaman. Benih akan mula bercambah dalam tempoh 3-4 hari.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam dan **siram 2 kali sehari** (pagi dan petang).

Penuaian:

Hasil dipungut **selepas 42-49 hari**. Cabut pokok bersama akar dan bersihkan di dalam air.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah **Pangsapuri**

Kangkung

Ipomoea reptans



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Tanam biji benih terus ke dalam bekas tanaman. Selepas 10-14 hari, jarakkan anak pokok (10 sm antara pokok) supaya tidak terlalu padat.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam dan **siram 2 kali sehari** (pagi dan petang).

Penuaian:

Boleh dituai dalam **tempoh 25-30 hari**. Cabut pokok bersama akar dan bersihkan di dalam air.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Sawi

Brassica rapa L.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Gaulkan biji benih yang halus bersama pasir, kemudian tabur rata ke dalam bekas tanaman.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam dan siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Sawi boleh dituai seawal **28-30 hari selepas disemai** dengan memotong batangnya di paras tanah. Hasilnya juga boleh dipungut apabila pokok mengeluarkan bunga.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah **Pangsapuri**

Sawi Pak Choi

Brassica rapa subsp. chinensis



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Gaulkan biji benih yang halus bersama pasir, kemudian tabur rata ke dalam bekas tanaman.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam dan siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Boleh dituai seawal **28-30 hari** selepas disemai dengan memotong batangnya di paras tanah.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Salad

Lactuca sativa L.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai biji benih. Selepas membesar 4-5 helai daun, alih ke bekas tanaman. Disyorkan lindung dari panas terik melampau di waktu petang (guna jaring hitam pelindung).

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam dan siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Perlu siraman konsisten untuk memastikan medium tanah sentiasa lembap dan tidak kering/rapuh bagi mengelakkan rasanya bertukar menjadi pahit. Disyorkan letak sedikit sungkupan untuk mengawal kelembapan.

Penuaian:

Boleh mula dipungut sekitar **30 ke 45 hari selepas tanam**.

Kesesuaian Kediaman:



**Kediaman Pangsapuri
Bertanah**

Daun Bawang

Allium fistulosum L.



Penanaman:

Ditanam menggunakan bebawang (bulb). Tanam dan biarkan 1/3 bebawang kekal di atas permukaan medium tanah campuran yang tidak menakung air. Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1, 3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Memerlukan cahaya matahari penuh. Jangan siram secara keterlaluan (overwater) kerana boleh menyebabkan bebawang reput. Siram apabila permukaan tanah kelihatan kering.

Penuaian:

Daun dituai seawal 2 ke 3 minggu. Tinggalkan bahagian bawah (sekitar 2 sm dari tanah) untuk ia tumbuh semula.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam.

Bayam Brazil

Alternanthera sissoo



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Ditanam melalui penggunaan keratan batang berukuran sekitar 10-15 sm. Sebahagian daun dahan bawah dibuang terlebih dahulu lalu batang dicucuk disemai terus masuk ke dalam tanah. Perlukan sumber pencahayaan penuh atau separa redup.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Siram 1-2 kali sehari bergantung kepada cuaca. Pastikan tanah sentiasa lembap tetapi jangan biarkan air menakung (akar mudah reput).

Penuaian:

Tuai pada **21-28 hari** selepas tanam. Pengutipan hanya dengan memetik daun atas yang matang. Semakin kerap tuaian akan menggalakkan pertumbuhan baharu bagi rimbunan pokok seterusnya.

Kesesuaian Kediaman:



**Kediaman Pangsapuri
Bertanah**



Pegaga

Centella asiatica



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Dibiak menggunakan pecahan keratan rizom/sulur (pastikan sekurang-kurangnya mempunyai 2 buku/node).

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 2 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Dituai seawal umur **80-90 hari** (pusingan pertama) dengan mencabut keseluruhan pokok utama berserta akarnya dan dibasuh bersih.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah **Pangsapuri**



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Bendi

Abelmoschus esculentus
(L.) Moench



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Tanam 2 biji benih selubang (kedalaman 2.5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur.

Penjagaan:

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 20 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Dituai sekitar **50-55 hari** selepas menanam. Buah berukuran 10-20sm panjang. Potong 2 sm dari pangkal buah semasa buah masih lembut (muda). Hasil dikutip setiap 2 hari sekali selama 8 minggu.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Sesuai untuk bekas tanaman bersaiz sederhana hingga besar di kawasan yang mendapat cahaya matahari yang cukup).



Terung

Solanum melongena L.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai 3-4 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur.

Penjagaan:

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 5 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Sokong anak pokok dengan pancang kayu untuk elakkan tumbang. Dahan-dahan pula diikat ke pancang supaya buah tidak terkena permukaan tanah.

Penuaian:

Hasil boleh dipetik 6 minggu selepas ditanam. Pungutan hasil dibuat setiap 4 hari.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Sesuai untuk bekas tanaman bersaiz sederhana hingga besar di kawasan yang mendapat cahaya matahari yang cukup).



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Cili Api

Capsicum frutescens L.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai 3-4 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur.

Penjagaan:

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 5 gram/pokok di sekeliling pokok setiap minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Sokong anak pokok dengan pancang kayu untuk elakkan tumbang.

Penuaian:

Hasil boleh dipetik 3-4 bulan selepas ditanam. Pokok akan terus berbuah selama 8-9 bulan.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Sesuai untuk bekas tanaman bersaiz sederhana hingga besar di kawasan yang mendapat cahaya matahari yang cukup).

Cili Merah

Capsicum annuum L.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai 3-4 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 5 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas tanam. **Baja NPK 12:12:17:2** pada kadar 10 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas berbunga. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Sokong anak pokok dengan pancang kayu untuk elakkan tumbang.

Penuaian:

Buah boleh dipetik apabila matang atau bertukar warna, Hasil boleh dipetik 3-4 bulan selepas ditanam. Tempoh pengeluaran hasil adalah 3-4 bulan dari hari pertama kutip hasil.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Sesuai untuk bekas tanaman bersaiz sederhana hingga besar di kawasan yang mendapat cahaya matahari yang cukup).



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Kacang Botor

Psophocarpus tetragonolobus (L.) DC.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Rendam biji benih semalaman. Semai 3-4 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur. Sediakan tiang junjung atau sokongan jaring (trellis) yang sangat kukuh kerana rimbunannya berat apabila matang.

Penjagaan:

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 15 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Mula tuai pada umur 10-12 minggu selepas tanam. Petik selang 2 hari apabila ukuran buah mencapai 15-20 sm dan luaran teksturnya hijau serta rapuh.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Kacang Panjang

Vigna unguiculata subsp. *sesquipedalis* (L.) Verdc.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai 2 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur. Sediakan tiang junjung atau sokongan jaring (trellis) yang kukuh.

Penjagaan:

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 5 gram/pokok di sekeliling pokok setiap pada kadar 5 gram/pokok di sekeliling pokok setiap minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Hasil dikutip secara berperingkat bermula minggu ke-6 selepas menanam.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Labu Air

Lagenaria siceraria
(Molina) Standi.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai 2 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur. Sediakan tiang junjung atau sokongan jaring (trellis) yang kukuh.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 10 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 20 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas berbunga. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Lakukan proses pendebungaan secara manual waktu pagi pada stigma betina (kuntum berputik bulat di bawah kelopak) jika lambat berputik buah.

Penuaian:

Hasil dikutip secara berperingkat bermula umur 60 hingga 80 hari.

Kesesuaian Kediaman:



**Kediaman
Bertanah**



Petola Segi

Luffa acutangula (L) Roxb.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Rendam biji benih 4-5jam. Semai 2 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur. Sediakan tiang junjung atau sokongan jaring (trellis) yang kukuh.

Penjagaan:

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 15 gram/pokok di sekeliling pokok setiap minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Amalkan buang tunas bawah pada dahan utama (ukuran 30 sm ke bawah). Balut buah dengan beg kertas apabila mula membesar.

Penuaian:

Boleh dituai mulai lingkungan umur 45 hari. Petik buah sewaktu isinya masih muda, lembut, berspan dan sebelum menjadi berserabut.

Kesesuaian Kediaman:



**Kediaman
Bertanah**



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Peria

Momordica charantia L.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Rendam biji benih 4-5jam. Semai 2 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur. Sediakan tiang junjung atau sokongan jaring (trellis) yang kukuh.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 5 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 15 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas berbunga. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Balut buah kecil menggunakan plastik/kertas mengelakkan rosak akibat lalat buah.

Penuaian:

Boleh dituai dalam masa 50-60 hari, apabila buah mencapai saiz optimum sebelum warnanya bertukar kuning/jingga.

Kesesuaian Kediaman:



**Kediaman
Bertanah**

Timun

Cucumis sativus L.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai 2 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur. Sediakan tiang junjung atau sokongan jaring (trellis) yang kukuh.

Penjagaan:

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 5 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Balut buah kecil menggunakan plastik/kertas mengelakkan rosak akibat lalat buah.

Penuaian:

Buah timun boleh dipetik 7-8 minggu selepas ditanam apabila panjangnya mencapai anggaran 15-20 sm.

Kesesuaian Kediaman:



**Kediaman
Bertanah**



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Tomato

Solanum lycopersicum Mill.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai 2 biji benih (kedalaman 2-5 sm). Selepas 2 minggu, cabut dan tinggalkan hanya 1 pokok yang paling subur. Sediakan tiang junjung atau sokongan jaring (trellis) yang kukuh.

Penjagaan:

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 15 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Boleh dipetik 3 bulan selepas ditanam. Buah tomato sedia dituai apabila warnanya bertukar daripada hijau kepada oren kemerahan.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Gunakan bekas tanaman yang sesuai dan pokok diikat pada pancang).

Daun Sup

Apium graveolens
var. *secalinum*



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai biji benih dan anak pokok yang tumbuh dipindahkan ke bekas tanaman sekitar 30-35 hari lepas semai.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 5 gram/pokok setiap 2 minggu selepas tanam. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Pastikan tanah sentiasa lembap tetapi jangan biarkan air menakung (akar mudah reput).

Penuaian:

Daun boleh dituai dalam tempoh 45 hingga 60 hari lepas tanam.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Diletakkan di kawasan
separa teduh).



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Kesum

Persicaria minor



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Potong keratan batang yang mempunyai 5-7 buku (panjang 15-20 sm). Rendam di dalam air selama 7-14 hari sehingga tumbuh akar, kemudian tanam di dalam bekas tanaman (jarak 25 sm antara pokok).

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 1 gram/pasu dan Urea 0.3 gram setiap 2 minggu selepas tanam. Kesum memerlukan air yang sangat banyak. Siram setiap hari (tanah mesti sentiasa lembap dan bersaliran baik).

Penuaian:

Potong batang kesum kira-kira 10-15 sm dari paras tanah apabila pokok sudah rimbun (sekitar minggu ke-16 hingga 18).

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Ditanam dalam bekas tanaman tanpa lubang/baldi plastik untuk mengekalkan kelembapan).

Kari

Murraya koenigii



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Boleh dibiakkan menggunakan anak benih atau keratan batang. Jika ditanam dalam pasu, gunakan pasu bersaiz besar untuk pertumbuhan jangka panjang.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 20 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 bulan selepas tanam. Pastikan pokok mendapat cahaya matahari penuh dan aliran udara yang baik.

Penuaian:

Daun boleh mula dipetik secara rutin setiap 2 bulan sekali selepas pokok stabil (anggaran 12 bulan selepas ditanam). Potong tepat di bawah petiol daun.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Kantan

Etlingera elatior



Penanaman:

Tanam rizom/ubi kantan terus ke dalam tanah. Jika di halaman rumah, jarakkan sekurang-kurangnya 1 meter antara pokok.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 100 gram/rumpun di sekeliling pokok setiap 2 bulan selepas tanam.

Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 150 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 bulan (10 bulan ke atas). Siram 2 kali sehari (pagi dan petang). Pokok jenis halia ini memerlukan medium yang lembap dan kawasan separa teduh pada awal pertumbuhannya.

Penuaian:

Bunga kantan biasanya mula keluar selepas pokok berumur setahun. Potong tangkai bunga di paras paling pangkal.

Kesesuaian Kediaman:



**Kediaman
Bertanah**

Halia

Zingiber officinale



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Gunakan rizom/ubi yang mempunyai 2-3 mata tunas berukuran 7-10 sm untuk tujuan benih. Tanam ke dalam bekas tanaman yang mempunyai saliran air yang baik.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 10 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu selepas tanam sehingga bulan ke 3. **Baja NPK 12:12:17:2** pada kadar 10 gram/pokok di sekeliling pokok setiap 2 minggu pada bulan ke 3 hingga bulan ke 4. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Halia muda boleh dituai pada umur 4 bulan, manakala halia tua dituai pada bulan ke-8 atau ke-9.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Pangsapuri Bertanah



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan, Makan Apa Yang Kita Tanam

Limau Nipis

Citrus aurantiifolia



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Lebih mudah dan cepat jika ditanam menggunakan anak pokok jenis 'tut'.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 10 gram/pokok di sekeliling pokok pada sebulan sekali selepas tanam untuk tahun 1 dan 2. **Baja NPK 12:12:17:2** pada kadar 30 gram/ pokok di sekeliling pokok sebulan sekali untuk tahun 3 dan ke atas. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang)

Penuaian:

Pokok tut lebih cepat menghasilkan buah dan tuaian akan mula lebat menjelang tahun ke-3 penanaman.

Kesesuaian Kediaman:



**Kediaman
Bertanah**



Limau Kasturi

Citrus macrocarpa



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai daripada biji benih atau gunakan anak pokok tut.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 10 gram/pokok di sekeliling pokok pada sebulan sekali selepas tanam untuk tahun 1 dan 2. Baja NPK 12:12:17:2 pada kadar 30 gram/ pokok di sekeliling pokok sebulan sekali untuk tahun 3 dan ke atas. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Pokok mula rimbun dan mengeluarkan buah seawal umur 2 hingga 3 tahun bergantung kepada kualiti penjagaan dan pembajaan.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Untuk pangsapuri, pokok ditanam di dalam bekas tanaman dan diletakkan di ruang yang menerima cahaya matahari yang cukup).



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan/ Makan Apa Yang Kita Tanam

Kunyit

Cucuma longa



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Semai ubi/rizom kunyit selama 30 hari sehingga keluar anak pokok, kemudian pindahkan ke dalam pasu atau tanah dan timbus secara nipis.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 10 gram/pokok di sekeliling pokok pada bulan ke dua 2 dan 4 selepas tanam. **Baja NPK 12:12:17:2** pada kadar 15 gram/pokok di sekeliling pokok pada bulan ke 6 dan ke atas. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Pokok matang sepenuhnya dalam tempoh 7 hingga 10 bulan. Apabila daun mula mengering, gali dan korek rizom kunyit secara berhati-hati. Rizom dipotong dari pokok dan dibersihkan.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



(Boleh ditanam dalam bekas tanaman sederhana besar di kawasan yang menerima cahaya matahari yang cukup).



Pandan

Pandanus amarylifolius Roxb.



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Dibiakkan menggunakan anak sulur yang sudah mempunyai akar.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 5 gram/pokok di sekeliling pokok pada sebulan sekali. Siram 2 kali sehari (pagi dan petang).

Penuaian:

Daun pandan boleh dipetik pada bahagian pangkal dahan selepas pokok merumpun subur (anggaran 12 bulan). Jangan cederakan ibu pokok.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Sangat sesuai untuk pangsapuri; pokok herba yang mudah dijaga di kawasan separa teduh).



Kendiri
KEBUN DI RUMAH SENDIRI

Tanam Apa Yang Kita Makan; Makan Apa Yang Kita Tanam

Serai Makan

Cymbopogon citratus



Penanaman:

Nisbah tanah yang diperlukan adalah 3:2:1

3 bahagian tanah atas (top soil), 2 bahagian bahan organik (kompos) dan 1 bahagian pasir untuk bekas tanaman. Potong daun serai dan tinggalkan bahagian pangkal berakar sekitar 10–15 sm. Tanam secara menyerong (2–3 keratan selubang) sedalam 1 inci ke dalam bekas tanaman.

Penjagaan:

Baja NPK 15:15:15 pada kadar 20 gram/ rumpun di sekeliling pokok 2 bulan sekali.

Penuaian:

Cungkil keseluruhan rumpun atau potong batang serai di paras tanah selepas 6 hingga 8 bulan ditanam.

Kesesuaian Kediaman:



Kediaman Bertanah



Pangsapuri

(Boleh ditanam di pangsapuri menggunakan bekas tanaman yang lebar untuk memberi ruang kepada rumpun serai membiak).

RUJUKAN

1. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2006).**
Info Tani: Panduan Menanam Kantan.
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
2. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2006).**
Panduan Menanam Cili Api. Putrajaya:
Jabatan Pertanian Malaysia.
3. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2006).**
Panduan Menanam Pandan. Putrajaya:
Jabatan Pertanian Malaysia.
4. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2006).**
Panduan Menanam Petola Segi.
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
5. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2008).**
Info Tani: Panduan Menanam Kacang Botor.
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
6. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2008).**
Info Tani: Panduan Menanam Terung.
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
7. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2009).**
Info Tani: Panduan Menanam Tomato.
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
8. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2015).**
Info Tani: Panduan Menanam Kacang Panjang.
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
9. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2018).**
Buku Poket Tanaman Sesuai Untuk Pertanian
Bandar.
10. **Jabatan Pertanian Malaysia. (2019).**
Tanaman Kunyit. Putrajaya:
Jabatan Pertanian Malaysia.

RUJUKAN

- 11. Jabatan Pertanian Malaysia. (2020).**
Info Tani: Pegaga (IT 166/01.20/1000).
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
- 12. Jabatan Pertanian Negeri Perak. (2021).**
Kailan. Ipoh: Jabatan Pertanian Negeri Perak.
- 13. Jabatan Pertanian Malaysia. (2021).**
Info Tani: Tanaman Kari (IT 180/11.21/500).
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
- 14. Jabatan Pertanian Malaysia. (2021).**
Buku Laman ke Dapur, Jabatan Pertanian.
- 15. Jabatan Pertanian Malaysia. (2023).**
Info Tani: Kesum. Putrajaya:
Jabatan Pertanian Malaysia.
- 16. Jabatan Pertanian Malaysia. (2023).**
Info Tani: Limau Nipis (IT 192/10.23/3000).
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
- 17. Jabatan Pertanian Malaysia. (2023).**
Info Tani: Serai Makan. Putrajaya:
Jabatan Pertanian Malaysia.
- 18. Jabatan Pertanian Malaysia. (2023).**
Info Tani: Tanaman Halia (IT 193/10.23/3000).
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.
- 19. Jabatan Pertanian Malaysia. (2023).**
Pakej Teknologi Tanaman Cili (Cetakan Pertama, Edisi Pertama). Putrajaya: Bahagian Pembangunan Industri Tanaman, Jabatan Pertanian Malaysia.
- 20. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).**
Bawang Merah (IT202/03.24/5000).
Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.

21. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).

Info Tani: Jenis-jenis Sawi (IT218/10.24/6K).

Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.

22. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).

Info Tani: Panduan Menanam Bayam.

Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.

23. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).

Info Tani: Panduan Menanam Bendi. Putrajaya:

Jabatan Pertanian Malaysia.

24. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).

Info Tani: Panduan Menanam Cili. Putrajaya:

Jabatan Pertanian Malaysia.

25. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).

Info Tani: Panduan Menanam Kangkung.

Putrajaya: Jabatan Pertanian Malaysia.

26. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).

Info Tani: Panduan Menanam Sawi. Putrajaya:

Jabatan Pertanian Malaysia.

27. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).

Info Tani: Panduan Menanam Timun. Putrajaya:

Jabatan Pertanian Malaysia.

28. Jabatan Pertanian Malaysia. (2024).

Buku 120 Tanaman Pertanian Bandar.

SEKALUNG PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembikinan naskah Tips Penanaman KENDIRI.

Penaung : YBhg. Dato' Nor Sam binti Alwi

Penasihat : Encik Christopher John Biai

Dr. Florence C. Ginibun

Puan Norshimah binti Ariffin

Penyelaras : Encik Laim Kosom

Puan Siow I Rene

Ts. Muhamad Adli Salihin bin Samsudin

Puan Azlini Zuraida binti Endut

Puan Faten Zohrah binti Mohd Nor

Encik Mohd Noor Azlan bin Othman

Puan Jessica anak Imau

Encik Muhammad Zaim bin Muhammad Rapidi

Encik Ahmad Fikri bin Mohd Samsudin

Encik Halit bin Alias

Encik Soffian bin Abu Bakar



JABATAN PERTANIAN

ARAS 7-17, WISMA TANI, NO 30 PERSIARAN PERDANA

PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA

TEL : **03 8870 3042** FAX : **03 8888 5069**

<http://www.doa.gov.my>